



## **KENYATAAN MEDIA**

### **PAMERAN PERDANA TEKNOLOGI NUKLEAR 2021 - SEMARAKKAN SEMANGAT KELUARGA NUKLEAR MALAYSIA DALAM PENYELIDIKAN, PEMBANGUNAN, PENGKOMERSILAN DAN INOVASI**

---

**BANGI, 13 NOVEMBER 2021** – Program Pameran Perdana Teknologi Nuklear 2021 ini merupakan acara dwi-tahunan yang dianjurkan oleh pihak Nuklear Malaysia yang mana pada tahun ini turut menggabungkan 4 aktiviti utama Nuklear Malaysia yang lain iaitu Hari Pengurusan Pengetahuan Nuklear Malaysia 2021, Hari Inovasi & Kreativiti Nuklear Malaysia 2021, Hari Pelanggan Nuklear Malaysia 2021 serta Program Simposium Pengurusan Kualiti 2021.

Aktiviti penyelidikan, pembangunan, pengkomersilan dan inovasi (R,D,C&I) merupakan agenda penting bagi memacu negara mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi. Melalui program seperti ini, ia dapat meningkatkan pembangunan modal insan dan mengiktiraf sumbangan pegawai penyelidik, ahli akademik serta individu dalam mempromosi sains dan teknologi terutamanya dalam bidang penyelidikan teknologi nuklear kerana program-program yang dianjurkan ini bertujuan untuk mengetengahkan hasil-hasil penyelidikan dan pembangunan oleh pegawai penyelidik Nuklear Malaysia melalui pembentangan kertas kerja.



Di samping itu, program ini juga akan menemukan para penyelidik dengan pihak akademik dan pihak industri dalam memperkasakan hala tuju bidang penyelidikan ke arah pengkomersilan produk serta menunjukkan kemampuan para penyelidik tempatan dalam mencari penyelesaian kepada permasalahan di peringkat industri. Semoga dengan usaha ini, ianya dapat menyemarakkan semangat semua keluarga Nuklear Malaysia dalam melaksanakan penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan serta inovasi teknologi nuklear.

Penganjurannya memasuki tahun ke-6 pada tahun ini, julung kalinya diadakan tahun 2009. Ianya telah mendapat sambutan yang meriah dalam kalangan pelbagai lapisan masyarakat. Untuk tahun 2021 ini, ianya diadakan pada 13 hingga 14 Disember 2021 yang dirasmikan oleh YBhg Datuk Zainal Abidin bin Abu Hassan, Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Berbeza dengan siri penganjurannya sebelum ini yang dianjurkan secara fizikal di Nuklear Malaysia, penganjuran pameran perdana teknologi nuklear pada tahun ini akan diadakan sepenuhnya secara maya berikutan situasi pandemik COVID-19 yang sedang berlaku di seluruh dunia termasuk Malaysia. Penganjuran secara maya ini adalah bertujuan untuk mengawal penularan COVID-19 dan pematuhan kepada standard prosedur (SOP).



Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi (STIE) memainkan peranan yang penting dalam usaha Malaysia untuk menjadi sebuah negara maju dan berteknologi tinggi. Berlakunya situasi krisis global, termasuk pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia sebagai contoh, terbukti menjadi pemangkin kepada sains, teknologi dan inovasi (STI) untuk berkembang dengan lebih pesat sebagai pilihan utama menjamin kelangsungan dan perkembangan sosioekonomi yang sihat. Dalam situasi ini, STI nuklear tidak ketinggalan dilihat ampuh untuk kekal menyumbang kepada keupayaan aplikasi teknologi membantu negara dan masyarakat mengharungi cabaran krisis dalam pelbagai aspek, terutamanya mengekalkan daya saing ekonomi dan kawalan kesihatan awam.

Bertepatan dengan situasi krisis semasa, maka adalah signifikan "STIE NUKLEAR: TEGUH MENDEPANI KRISIS" diangkat sebagai tema Pameran Perdana Teknologi Nuklear 2021 Nuklear Malaysia pada kali ini. Ia juga signifikan kepada kehidupan seharian manusia kerana sains dan teknologi memberi kesan yang besar terhadap kelestarian alam sekitar dan masyarakat.

###

**DIKELUARKAN OLEH :  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
AGENSI NUKLEAR MALAYSIA  
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)**